

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic FutureTech 2018

Mencipta Penyelesaian Melangkaui Jangkaan

Kuala Lumpur, 12^{hb} Disember 2018 – Pemimpin Teknologi dan Industri hari ini melancarkan pameran penyelesaian terbaharu di bawah cogan kata Panasonic FutureTech 2018, menampilkan penyelesaian Pintar dan Imersif yang menyasarkan 3 cabang spesifik utama – Sektor Pendidikan, Korporat, Perniagaan & Hiburan.

Tahun ini menandakan Sambutan Seratus Tahun Panasonic dan inovasi yang menerajui industri masih menjadi tumpuan utamanya, memperkasakan lagi komitmennya untuk membantu kedua-dua sektor Korporat dan Awam untuk terus berkembang dan kekal kompetitif di era transformasi digital.

Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Mr. Hiroyuki Muto, berkata “Panasonic FutureTech 2018 menampilkan rangkaian pelbagai penyelesaian canggih merangkumi beberapa pasaran cabang spesifik utama yang menawarkan teknologi perintis, yang dicipta untuk menghasilkan penyelesaian pintar dan lengkap yang termaju agar dapat mempertingkatkan pengalaman pelanggan, kecekapan dan produktiviti industri.

Cabang Spesifik Penyelesaian yang Dipamerkan di FutureTech 2018 merangkumi:

Penyelesaian Pendidikan dengan tumpuan kepada Produk dan Penyelesaian Panasonic terkini yang dicipta untuk merevolusikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran menggunakan penyelesaian Bilik Darjah Pintar dan Imersif dengan sasaran kepada kedua-dua Penyedia pendidikan rendah dan tinggi. Pameran penyelesaian ini merangkumi:

- Sistem Bilik Darjah Pintar yang menguruskan Pencahayaan, Bunyi, Penayangan dan Rakaman Kuliah dari Sistem Kawalan Pintar Berpusat.
- Sistem Rakaman Kuliah Pintar yang intuitif juga mampu melakukan Penyiaran dan Penstriman Secara Langsung bagi memenuhi permintaan untuk pembelajaran jarak jauh. Sistem intuitif ini menggunakan pengecaman wajah untuk menjejak pergerakan pensyarah bagi mengesan, merakam dan menyiarkan keseluruhan kuliah dalam kualiti Video dan Suara HD Penuh yang jelas.
- Bilik Darjah Imersif dengan penayangan dan pemetaan 360 darjah untuk memberi pengalaman pembelajaran imersif kepada pelajar. Bak kata pepatah Inggeris “*Seeing is believing*”, objektif bilik darjah imersif Panasonic adalah untuk melihat dan mengalami sendiri suasana sebenar untuk pemahaman dan kefahaman kuliah dengan lebih baik.
- Paparan Besar Panel Sentuhan Interaktif dan Penyelesaian Penayangan untuk mencipta pengalaman pengajaran dan pembelajaran secara interaktif.
- Sistem Pengawasan Dalam Kelas dan Kampus dengan Aplikasi Pengecaman Wajah yang boleh menggantikan pengurusan kehadiran berasaskan kad. Dengan Pengecaman Wajah, pengurusan kehadiran dapat dilakukan secara automatik, pada waktu yang sama juga kita boleh mencari dan menjejak lokasi dan keberadaan pelajar di kawasan Kampus atau Sekolah. Ia juga memudahkan pengurusan orang ramai semasa kecemasan.

Penyelesaian Korporat memberi tumpuan kepada rangkaian komprehensif Penyelesaian yang direka untuk memperbaiki unjuran perniagaan, produktiviti kakitangan dan mengurangkan kos operasi melalui pelaksanaan kesalinghubungan pekerja jarak jauh dan konsep perkongsian ruang. Pameran penyelesaian merangkumi:

- Penyelesaian Pejabat Pintar dengan Sistem Kawalan Berpusat untuk memantau dan menguruskan keperluan AV dari Server Pengurusan Sumber Berpusat untuk semua bilik mesyuarat dan ruang kerja.
- Pusat Kawalan Pengawasan Pintar Berpusat dengan aplikasi pengurusan video dan sistem pengecaman wajah termaju. Sistem Pengawasan ini dijangka secara bersepadu dengan Sistem Kawalan Akses untuk mempertingkatkan keselamatan pejabat, bangunan dan perimeter yang mengelilingi kawasan tersebut.
- Penyelesaian Sistem Komunikasi Bersepadu IP dan Persidangan Video untuk memberi kemudahan mudah alih kepada perniagaan, dan dengan adanya perkembangan komunikasi melangkaui sempadan ia mampu mengekalkan kos yang lebih rendah.
- Sistem Kawalan Pejabat Perkongsian Ruang. Dalam suasana perniagaan hari ini, konsep *Bring Your Own Device (BYOD)* dan perkongsian ruang semakin kerap digunakan. Untuk mengendalikan kesemua ruang ini terutamanya untuk BYOD, organisasi mungkin menghadapi kesukaran untuk menguruskan pelbagai sumber input seperti Windows atau Mac OS, Tablet (sama ada iOP atau Android), dan Telefon Pintar. Dengan adanya sistem kawalan Perkongsian Ruangan Pintar, ia melaksanakan Sistem Pembentangan Tanpa Wayar bersama Sistem Kolaborasi Ruang Mesyuarat, sekaligus membolehkan kesalinghubungan peranti dan kecekapan pengurusan ruang dilakukan untuk mengekalkan kos operasi yang rendah namun boleh meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
- Penyelesaian Penayangan & Paparan Interaktif untuk menjalankan mesyuarat dan persidangan video yang efisien menggunakan HD Lengkap atau resolusi 4K.

Penyelesaian Perniagaan Masa Hadapan memberi tumpuan kepada konsep pameran dimensi baharu di ruang niaga melalui pendekatan pemasaran baharu yang intuitif dan interaktif menggunakan kesalinghubungan IoT yang efisien dan lancar untuk mengakses maklumat produk daripada peranti Pintar. Penyelesaian yang dipamerkan di reruai Perniagaan merangkumi:

- Penyelesaian Pemetaan Unjuran termaju yang dipautkan kepada teg RFID untuk menghasilkan penampilan paparan produk yang dapat mempertingkat dan mempermudah pengalaman pelanggan serta mengurangkan kos operasi melalui pengurangan letakan kakitangan di kedai untuk melayani pertanyaan pelanggan. Dengan adanya Penyelesaian Pemetaan yang dipautkan kepada teg RFID, pelanggan boleh mengakses maklumat produk yang mereka inginkan dengan mudah dan pantas.
- Ruang Pameran Produk Intuitif yang menggunakan Light ID dan AR untuk menyalurkan maklumat produk kepada peranti pintar. Menampilkan penyelesaian Panasonic Light ID yang dinamakan LinkRay, pelanggan boleh menggunakan peranti pintar mereka untuk mengimbas Light ID yang mengandungi maklumat produk untuk memperolehi maklumat produk dalam bahasa pilihan mereka, menonton video produk, mendapat kupon diskaun dan juga menempah secara online.
- Pengalaman Jamu Selera Interaktif dengan penyelesaian unjuran gabungan termoden yang mencipta pengalaman menjamu selera berlatarkan suasana menarik walaupun berada di ruang makan yang terbatas. Meja yang dilengkapi menu menggunakan LinkRay juga dipamerkan untuk membolehkan pelanggan menggunakan kaedah interaktif untuk melihat menu dan memilih sajian mereka, sekaligus memberi kemudahan, fleksibiliti dan pengalaman indah di restoran.

Seiring dengan perkembangan teknologi ke arah rangkaian konvergen yang menggabungkan rangkaian suara dan data, Panasonic akan terus memperkenalkan produk dan penyelesaian kebolehan IoT atau IP Centric dengan tujuan untuk memperbaiki produktiviti dan mengurangkan jumlah kos pemilikan.”

Kelebihan Panasonic terletak pada rangkaian produk kami yang meluas. Hari ini, kami kembali mempertingkatkaninya melalui penyepaduan kesemuanya dan berkolaborasi dengan Rakan Teknologi kami, Extron, Frame Motion dan TDSi untuk menawarkan penyelesaian sehenti kepada para pelanggan kami. Pelanggan tidak perlu lagi bertemu pelbagai vendor atau pembekal kerana kami berkemampuan untuk memenuhi semua keperluan tersebut. Panasonic bersama Rakan Strategik kami akan menawarkan perkhidmatan profesional yang merangkumi perundingan, rekaan sistem, demonstrasi dan integrasi sistem demi memenuhi keperluan pelanggan.

Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd merupakan syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi produk elektrik dan elektronik antaranya audio visual, perkakas rumah, penyaman udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang produk dan jenama Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com